

# UMS santuni komuniti Edu-Tourism Kampung Sayap

UB 01.03.2024 P.04

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Pusat Komunikasi Korporat (PKK) menyantuni komuniti luar bandar di Kampung Sayap, Kota Belud dengan mengagih 60 bukal makanan kepada ibu tunggal, warga emas terlantar dan individu kelanian upaya.

Pengerah PKK UMS, Dr. Jakarta Dasan, berkata kunjungan antara lain bertujuan mempromosikan pelancongan berasaskan pendidikan serta menjalankan beberapa aktiviti bersama penduduk.

Menerusi kepimpinan Naib Canselor UMS, Profesor Dr. Kasim Mansor, setiap warga UMS digesa untuk sentiasa pergi kepada usaha mendekati komuniti.

Ia bagi melakukan pemindahan dan perkongsian ilmu yang relevan dengan sebuah komuniti yang didampingi.

"Usaha menyantuni komuniti di luar bandar Sabah bertujuan memperkasa kefahaman warga UMS mengenai Komuniti Madani itu



**PRIHATIN:** Amin (tengah) menyerahkan bakiul makanan kepada penduduk Kampung Sayap sambil disaksikan oleh Jakarta (dua kanan) dan Ketua Pentadbiran PKK UMS, Norliza Abdullah.

sendiri," katanya.

Menurutnya, di Kampung Sayap, terpampang jelas wujudnya ciri-ciri Komuniti Madani.

"Komuniti di kampung ini mempunyai persatuan atau perkumpulan masyarakat yang sentiasa bersatu padu dalam aktiviti mem-

jukan kampung mereka," katanya.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh kakitangan PKK UMS bersama komuniti ialah menganyamat menggunak daun kelapa untuk menyiapkan Pondok Malius di Puncak Gloria, menumbuk dan menampi padi serta

menghasilkan kraftangan manik.

Jakarta berkata, PKK UMS merupakan nadi penting universiti yang antara lain terlibat mengurus majlis rasmi universiti serta menyelaras hubungan awam dan publisiti menerusi rakan strategik media.



**KERJASAMA:** Kakitangan PKK UMS meletakkan daun atap di Pondok Malius.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKKK) Kampung Sayap, Aming Gamburus berkata pihaknya bersyukur kerana UMS sering menjadikan Kampung Sayap sebagai pilihan mengadakan program secara konsisten benar-benar dirasak oleh penduduk kampung di sinilah katanya.

"Ini menyebabkan kami yang tinggal di luar bandar sentiasa bersastra tidak terpinggi dari arus pembangunan.

"Kehadiran institusi ilmu seperti UMS mengadakan program secara konsisten benar-benar dirasak oleh penduduk kampung di sinilah katanya.

Pada kunjungan itu, PKK UMS turut mengadakan perkongsian bertajuk 'Apakah Scam' kepada komuniti Kampung Sayap serta berkongsi bahaya mengenai penipuan itu yang sering menjadikan warga emas dan komuniti luar bandar sebagai mangsa.



**SILATURAHIM:** Malam kebudayaan bersama komuniti Kampung Sayap.



**ALBUM:** Kakitangan UMS dan komuniti Kampung Sayap di Pondok Malius.